

16/02/2002

Sewang Rimba lapar dana

Salbiah Ani

SEWANG Rimba produksi Sanggar Seni Intan Kebayan tetap gagah mengadakan latihan meskipun 50 anggota teater kanak-kanak itu terpaksa berlapar kerana tiada penaja.

Pengarah dan penulis skrip Sewang Rimba, Ladin Nuawi berkata, hanya Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang bersedia menghulurkan dana tetapi bantuannya terlalu kecil iaitu RM2,000.

"Saya terkilan dengan jumlah dana yang terlalu kecil daripada DBP dan akan mengemukakan surat rayuan agar badan berkanun itu menimbangkan semula nilai bantuan itu," katanya pada wawancara dengan Sastera dan Budaya, baru-baru ini.

Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memberi sokongan dengan menyediakan ruang latihan dan persembahan di Matic.

Sokongan badan korporat Malaysia yang konon prihatin begitu sukar diperoleh dan menunjukkan kecenderungan menghulurkan bantuan jika Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menjadi penangung.

"Siapalah saya untuk mendapat Dr Mahathir sebagai penangung persembahan. Saya ralat kerana badan korporat dan pihak berkenaan tidak dapat melihat kepentingan pembangunan kanak-kanak dalam hal budaya dan kesenian," katanya.

Sastera dan Budaya diberitahu beberapa kanak-kanak yang tidak boleh membaca, kini lancar selepas menjalani latihan Sewang Rimba dari 29 Disember tahun lalu.

Sebelum Sewang Rimba, Ladin pernah mementaskan Durian Gergasi di Matic pada akhir 1999 manakala Negeri Kebayan dipentaskan di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada tahun lalu.

Ladin berkata, beliau boleh mempersembahkan teater menggunakan lima atau enam kanak-kanak saja tetapi tidak tergamak untuk menolak ramai kanak-kanak yang hadir menjalani uji bakat.

"Sebahagian besar kanak-kanak hadir uji bakat bersama rakan masing-masing. Mereka bukan saja berminat tetapi juga berbakat. Saya tidak sampai hati menolak keinginan mereka untuk beraksi di pentas teater.

"Jika kita tidak menolong dan memberi peluang kepada mereka, siapa lagi. Untuk beraksi di pentas Istana Budaya mereka bukan saja perlu berpengalaman tetapi juga berparas cantik," katanya.

Sewang Rimba dipentaskan dengan kerjasama Angkatan Karyawan Aktif Kuala Lumpur (Angka), Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan, Pusat Pelancongan Malaysia dan DBP.

Sewang Rimba akan dipentaskan di Auditorium Tunku Abdul Rahman (Matic) pada 6-11 April jam 8.30 malam manakala matinee pada 6-7 April (3 petang) dan tiket berharga RM 10 untuk dewasa serta RM5 (kanak-kanak). Tiket dijual di pintu masuk pada hari pementasan manakala tempahan boleh dibuat dengan menghubungi Hamimi Tawi di talian 019-2513685, Aida (016-2794683), Siti Nor Rina (016-3081415), Elija (012-3980737) dan Rai (019-212648337).

Ladin berkata, hanya dua pelakon dewasa Sewang Rimba yang bertindak sebagai pembimbing manakala bakinya remaja dan kanak-kanak, paling muda berusia empat tahun.

"Pada Sabtu mereka menjalani latihan antara jam 2 hingga 6 petang dan 6 hingga 10 malam manakala Ahad (11 hingga 5 petang). Sanggar Seni Intan Kebayan turut mengambil tanggungjawab menghantar mereka pulang ke rumah daripada latihan," katanya.

Dalam Sewang Rimba, Ladin sekali lagi menampilkan isu alam sekitar

dengan memilih kawasan Garam Bukit yang dihuni warga rimba Lata Sewang sebagai lokasi cerita.

Sebarang kekacauan diharamkan daripada berlaku di kawasan Garam Bukit dan warga rimba Lata Sewang hidup aman damai datang bergilir menikmati garam bukit mengikut jadual dan susunan pangkat.

Pemburu Bertiga (Tuk Emas, Tuk Perak dan Tuk Gangsa) mencabuli sumpahan itu apabila memburu haiwan sebagai sukan sehingga Sulung Beruang terbunuh, Pak Beruang parah dan Bungsu Beruang menderita.

Pak Beruang bertindak balas sehingga Tuk Gangsa nazak dan Tuk Perak menjadi sawan dan Tok Tokoh mengisytiharkan Pak Beruang sebagai juara memburu tetapi menimbulkan rasa tidak puas hati.

Tuk Emas dan Pengikut Bertiga, penduduk Desa Piala bangkit menentang Pak Beruang sehingga ia tertangkap dan Mahkamah Desa Piala menjatuhkan hukuman terhadap Pak Beruang.

Pak Beruang dikurung sementara menanti hukuman dan Pengawal Berempat merancang menjadikan Pak Beruang sebagai beruang berwang tetapi rancangan itu gagal.

Bagi meredakan keadaan, warga Lata Sewang berpindah ke Garam Bukit Tuk Raje dan ada sesetengah daripada mereka yang berputus asa, mahu menyerah diri kepada manusia supaya dipelihara sebagai binatang peliharaan.

Tuk Raje, Tenggiling dan Landak pergi mengadu dengan Pegawai Alamesra yang berusaha menyelamatkan Pak Beruang dan piala kejuaraan berjaya dirampas serta memaksa Tuk Emas serta Pengawal Berempat berundur.

Sepuluh lagu mengiringi Sewang Rimba dengan dua daripadanya, Kembara Di Rimba dan Di Alam ini, dicipta oleh anak Sasterawan Negara, Datuk A Samad Said, Az.

Ladin berkata, Az pada mulanya turut menjayakan persembahan Sewang Rimba tetapi terpaksa menarik diri apabila tarikh pementasan diubah kerana ia berlaga dengan jadual peperiksaannya.

"Tempat Az diambil alih oleh Rahim Tamat manakala set, prop dan kostum ditangani ahli Angka iaitu Easnani Elias, Md Rodzi Abdullah, Md Faisal Ab Ghani, Gawa dan Azman Hassan," katanya.

Sewang Rimba menggunakan barang kitar semula sebagai set, kostum dan prop dalam usaha menjimatkan perbelanjaan persembahan serta mengasah daya cipta pelakon.

(END)